



31 Mei 2021
31 May 2021
P.U. (B) 313

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PEMBERITAHUAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2021

EMPLOYEES' SOCIAL SECURITY (EXEMPTION) (NO. 2) NOTIFICATION 2021

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA 1969

PEMBERITAHUAN KESELAMATAN SOSIAL PEKERJA (PENGECUALIAN) (NO. 2) 2021

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh seksyen 98 Akta Keselamatan Sosial Pekerja 1969 [*Akta 4*], Menteri membuat pemberitahuan yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Pemberitahuan ini bolehlah dinamakan **Pemberitahuan Keselamatan Sosial Pekerja (Pengecualian) (No. 2) 2021**.

(2) Pemberitahuan ini mula berkuat kuasa pada 1 Jun 2021.

Pengecualian

2. (1) Menteri mengecualikan daripada kuat kuasa Akta mana-mana pekerja domestik yang diinsuranskan oleh majikannya di bawah suatu polisi insurans berhubung dengan bencana kerja atau keilatan, yang masih sah tempoh polisi insurans itu, sebaik sebelum tarikh permulaan kuat kuasa Pemberitahuan ini.

(2) Pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi pekerja domestik itu sehingga habis tempoh polisi insurans itu.

(3) Walau apa pun subperenggan (2), jika polisi insurans yang disebut dalam subperenggan (1) habis tempoh selepas 31 Mei 2022, pengecualian di bawah subperenggan (1) hendaklah terpakai bagi pekerja domestik itu sehingga 31 Mei 2022.

(4) Bagi maksud perenggan ini, “pekerja domestik” ertinya seseorang yang diambil kerja semata-mata dalam kerja atau yang berkaitan dengan kerja bagi suatu rumah kediaman persendirian dan bukan bagi apa-apa perdagangan, perniagaan atau profesion yang dijalankan oleh majikan dalam rumah kediaman itu dan termasuklah seorang tukang masak, pekhidmat rumah (termasuk pekhidmat bilik tidur dan dapur), pelayan, *butler*, orang yang menjaga kanak-kanak atau bayi, valet, kundang,